

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

H0272101 WA1324177213 01/04/2024 03:38:13

WA-25-136-04/2024

TSP120.....16.00 x 1

Jumlah RM\*\*\*\*\*16.00

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
(BAHAGIAN RAYUAN & KUASA-KUASA KHAS)  
PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO: \_\_\_\_\_/2024**

Dalam perkara Perlembagaan Persekutuan Malaysia;

Dan

Dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Dan

Dalam perkara Akta Penjara 1995 dan Peraturan-peraturan dibawahnya;

Dan

Dalam perkara Seksyen 43 Akta Penjara 1995

Dan

Dalam Perkara 5, Perkara 8, Perkara 10 dan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam perkara Seksyen 4 dan 25(2) dan Perenggan 1 and 14 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Dan

Dalam perkara Seksyen 44 Akta Relief Spesifik 1950

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara bidang kuasa sedia ada Mahkamah Yang Mulia ini



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**ANTARA**

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK**  
**(NO. K/P: 530723-06-5165)**

**...PEMOHON**

**DAN**

1. **MENTERI DALAM NEGERI**
2. **KOMISIONER JENERAL PENJARA**
3. **PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
4. **LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA**
5. **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**
6. **KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DI JABATAN PERDANA MENTERI**
7. **KERAJAAN MALAYSIA** **...RESPONDEN-RESPONDEN**

---

**PERYATAAN YANG DIFAILKAN MENURUT ATURAN 53  
KAEDAH 3(2) KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012**

---

**A. PIHAK-PIHAK**

1. Pemohon adalah bekas Perdana Menteri Malaysia yang telah berkhidmat selama dua penggal berturut-turut (2008-2018) dan sebelumnya (1993 dan 2000-2008) sebagai Menteri Pertahanan dan sebagai Menteri Pendidikan (1995-2000). Pada Julai 2018 Pemohon didakwa atas 7 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram. Beliau disabitkan kesalahan pada 28.07.2020 di Mahkamah Tinggi dan



## PERNYATAAN

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

dihukum penjara selama 12 tahun dan didenda sebanyak RM 210 juta. Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan mengesahkan sabitan dan hukuman itu pada 8.12.2021 dan 23.08.2022. Beliau kini sedang menjalani hukuman di Penjara Kajang.

2. Responden Pertama adalah Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab antara lain, perkara mengenai keselamatan dan penjara-penjara.
3. Responden Ke-2 adalah Komisioner Jeneral Penjara.
4. Responden Ke-3 adalah Peguam Negara yang merupakan penasihat utama bagi Kerajaan Malaysia.
5. Responden Ke-4 adalah Lembaga Pengampunan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
6. Responden Ke-5 adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) yang bertanggungjawab dalam memajukan dasar berkaitan undang-undang, parlimen, dan hal ehwal undang-undang dan kehakiman serta menyelia Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan melalui Responden Ke-6 menyelia hal ehwal pentadbiran Responden Ke-4.
7. Responden Ke-6 ialah Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang yang bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran hal ehwal perundangan negara termasuk Lembaga Pengampunan Wilayah-wilayah Persekutuan.
8. Responden Ke-7 adalah Kerajaan Malaysia.



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**B. RELIF-RELIF YANG DIPOHON**

9. Melalui Notis Permohonan Semakan Kehakiman yang difailkan disini, Pemohon kini memohon kebenaran untuk memulakan permohonan Semakan Kehakiman terhadap Responden-responden di bawah **Aturan 53 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.**
  
10. Pemohon kini memohon relif-relif berikut untuk dibenarkan oleh Mahkamah yang Mulia ini terhadap Responden-responden yang dinamakan di atas di dalam Permohonan Semakan Kehakiman:-
  - a. Satu Perintah mandamus bahawa ke semua Responden ataupun salah seorang Responden diarah untuk menjawab dan/atau mengesahkan kewujudan satu Titah Adendum bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI sebagai titah tambahan kepada Titah Utama yang mempunyai tarikh yang sama [dimana yang keduanya memberi pengurangan tempoh hukuman penjara bagi Pemohon dan juga denda yang dikenakan ("**Titah Utama**") dan yang pertama berkenaan dengan Pemohon diperintahkan untuk menjalani tempoh pemenjarannya yang dikurangkan ke "tahanan rumah" atau terma kepada kesan yang setara ("**Titah Adendum**")];
  
  - b. Satu perintah Mandamus dimana jika Titah Adendum wujud, semua Responden-responden ataupun salah seorang Responden diarahkan untuk melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI dan dengan serta-merta memindahkan Pemohon dari Penjara Kajang ke kediamannya yang diketahui di Kuala Lumpur dimana Pemohon akan menjalani hukuman penjaranya di bawah tahanan rumah;



- c. Satu perintah mandamus bahawa semua atau salah seorang Responden diarahkan untuk memberikan salinan asal atau salinan Titah Utama bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- d. Satu perintah mandamus bahawa semua atau salah seorang Responden diarahkan untuk memberikan salinan asal atau salinan Titah Adendum bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- e. Kos; and
- f. Apa-apa perintah-perintah, relif-relif dan/atau arahan-arahan yang perlu dan/atau berbangkit dan/atau selanjutnya dan/atau yang lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini dalam keadaan-keadaan ini.

**C. LATAR BELAKANG**

- 11. Pada 4.07.2018 dan 8.08.2018, Pemohon telah didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berkenaan No. Kes Jenayah: WA-45-2-07/2018; WA-45-3-07/2018; dan WA-45-5-08/2018 lebih dikenali sebagai "Kes SRC" di mana beliau didapati bersalah ke atas semua pertuduhan pada 28.07.2020.
- 12. Pada 30.07.2020 Pemohon telah merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di mana pada 8.12.2021 rayuannya telah ditolak, dan sabitan serta hukuman Mahkamah Tinggi dikekalkan.



**PERNYATAAN**

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

13. Pada 8.12.2021 Pemohon telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan di mana pada 23.08.2022 rayuannya sekali lagi telah ditolak.
14. Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan di mana sabitan dan hukumannya dikekalkan, Pemohon terus dibawa ke Penjara Kajang di mana beliau kekal di bawah bidang kuasa Responden Pertama dan Responden Ke-2 sehingga kini.
15. Pada 1.09.2022, Pemohon melalui peguamcara beliau Tetuan Shafee & Co., telah memfailkan satu petisyen kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI untuk pengampunan lengkap dan/atau pengampunan penuh (*free pardon*) terhadap sabitan dan hukuman bagi Kes SRC menurut antara lain **Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan**.
16. Berikutan pemfailan petisyen pada 1.09.2022, Pemohon kemudiannya memfailkan adendum-adendum kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI pada 18.10.2022 dan 20.04.2023 untuk pertimbangan Baginda dimana perkembangan lain yang berkaitan dengan isu pengampunan telah dibangkitkan, kebanyakannya berkaitan dengan isu dominan di mana Pemohon tidak pernah diberi perbicaraan yang adil, mahupun rayuan yang adil.
17. Pada 2.02.2024, Responden Ke-4, di bawah bidang kuasa Responden Ke-5 dan Ke-6 mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI telah mengadakan Majlis Pengampunan Ke-61 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pada mulanya pada 8.12.2023, kemudian ditangguhkan ke 15.01.2024, tetapi ia ditangguhkan dan akhirnya bersidang semula pada 29.01.2024 dimana Baginda menitahkan supaya hukuman penjara Pemohon dikurangkan kepada 6 tahun dan denda dikurangkan kepada RM50 juta iaitu "Titah Utama". Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI juga dengan



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

## PERNYATAAN

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

serta-merta atau secara serentak mengeluarkan Titah Adendum pada hari yang sama. Ia adalah mushkil dimana Titah Adendum tidak diumumkan oleh Responden ke-4, ke-5, dan ke-6 atau oleh mana-mana Responden lain apabila pengumuman Titah Utama sahaja dibuat. Ia perlu difahamkan bahawa Titah Adendum telah pun wujud sejak 29.01.2024. Anomali ini tidak pernah didedahkan mahupun dijelaskan oleh mana-mana Responden.

18. Pada 12.02.2024, Pemohon telah menerima satu maklumat yang sahih bahawa sebagai tambahan kepada Titah Utama yang bertarikh 29.01.2024, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI juga telah mengeluarkan satu Titah Adendum yang menyatakan bahawa Pemohon dibenarkan untuk menjalani hukumannya yang dikurangkan kepada “tahanan rumah” dan bukannya kepenjaraan di Penjara Kajang.
19. Pemohon mengarahkan peguamcaranya untuk mengesahkan butiran Titah Adendum dengan Peguam Negara Malaysia (Responden Ke-3) melalui satu surat bertarikh 14.02.2024. Surat ini turut disalinkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi.
20. Selepas itu, pada 22.03.2024, perkara ini dibawa kepada Menteri Dalam Negeri (Responden Pertama) berkenaan antara lain, kewujudan dan kekurangan penguatkuasaan Titah Adendum. Perkara itu turut dimaklumkan kepada Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Pembaharuan Institusi) dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri (Responden ke-4, ke-5, dan ke-6), pada 29.03.2024.



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

21. Pada 19.02.2024, Peguamcara Pemohon juga meminta salinan asal atau salinan Titah Utama dari Penjara Kajang, akan tetapi permintaan itu tidak dijawab.
22. Akibatnya, sejak 29.01.2024, hak peribadi Pemohon telah terjejas dan dilanggar oleh keputusan Responden-responden untuk mengabaikan dan menahan diri daripada menjawab pertanyaan yang dibuat oleh peguamcara Pemohon untuk melaksanakan Titah Adendum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI. Mengambil kira keperluan masa, Pemohon membuat permohonan ini.

**D. PENOLAKAN DAN/ATAU KETIDAKGIATAN RESPONDEN-RESPONDEN UNTUK MENGESAHKAN, MELAKSANAKAN DAN MEMBERIKAN TITAH ADENDUM BERTARIKH 29.01.2024 DAN ALASAN-ALASAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN**

23. Pemohon menyatakan bahawa kegagalan kesemua Reponden untuk menjawab dan/atau mengesahkan kewujudan Titah Adendum dan permintaan Pemohon untuk diserahkan Titah Adendum bertarikh 29.01.2024, dan ketidakgiatan oleh Responden Pertama dan Ke-2 untuk melaksanakan titah tersebut adalah tidak rasional, tidak munasabah, menyelahai undang-undang dan sewenang-sewenangnya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berdasarkan alasan-alasan berikut:-
  - a. Menurut **Perkara 42 (terutamanya Perkara 42(1) dan 42(2)) Perlembagaan Persekutuan** kuasa untuk memberi pengampunan, tunda hukum dan lega hukum dan remit, penggantungan atau pertukaran berkenaan dengan segala kesalahan telah diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI di dalam bagi Wilayah Persekutuan. Ini adalah kuasa yang di mana budi-





bicaranya yang tidak terbatas dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana mahkamah undang-undang dengan sebarang proses;

- b. Perogratif ini boleh dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI bagi apa-apa tujuan bermula daripada untuk menunjukkan belas kasihan hingga memperbetulkan ketidakadilan yang mungkin berlaku di mahkamah undang-undang (*court of law*). Ia telah diputuskan oleh autoriti-autoriti bahawa "*the prerogative of mercy begins when the procedure for justice in the courts ends*". Kuasa pengampunan ini selalu dikaitkan dengan keadilan pembetulan;
- c. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI adalah "*the fountain of justice*", seperti yang diletakkan di bawah **Perkara 37, 39 dan 42 Perlembagaan Persekutuan**, yang patutnya dibicara bersama dengan sumpah yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI di bawah **Bahagian 1, Jadual Ke-empat Perlembagaan Persekutuan**. Kuasa perogratif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI walaupun terpakai dalam perkara yang terhad tetapi perogatif pengampunan yang diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI adalah mutlak dan tidak terhad;
- d. Titah – titah Baginda bukanlah dekri pentadbiran yang semata-mata tetapi ia adalah cerminan-cerminan undang-undang dan moral yang diberikan kepada monarki. Oleh itu, sikap Responden-responden yang tidak menghiraukan terhadap permintaan Pemohon merupakan satu pencerebohan secara langsung terhadap hak asasi Pemohon yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan dan undang-undang secara am. Tambahan lagi, penentangan oleh kesemua Responden merupakan satu



penghinaan kepada institusi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong;

- e. Responden-responden daripada menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI, telah dengan secara tidak munasabah dan secara tidak rasional menafikan tanpa sebab yang sah atau memberi alasan-alasan atau sebab-sebab yang kukuh untuk kegagalan tersebut. Sebenarnya tindakan Responden-responden yang tidak menjawab pertanyaan Pemohon semestinya menimbulkan inferens buruk terhadap mereka, kerana Titah Adendum itu wujud dengan kandungan substantif seperti yang dipertikaikan oleh Pemohon. Selanjutnya, ketidakjawaban kepada pertanyaan Pemohon adalah inferens yang bertentangan bahawa Responden cuba menyembunyikan kewujudan Titah Adendum atas sebab-sebab yang hanya boleh disimpulkan sebagai mala fide.
- f. **Seksyen 43 Akta Penjara 1995** yang di baca sekali dengan **Article 42 Perlembagaan Persekutuan** menyatakan bahawa Responden Pertama dan Ke-2 boleh membenarkan pembebasan mana-mana banduan atas lesen dan dengan syarat sedemikian, iaitu "tahanan rumah" dengan syarat yang munasabah. Sehubungan itu, penafian menyeluruh terhadap permohonan Pemohon adalah tidak munasabah dan/atau tidak rasional apabila mempertimbangkan keadaan secara keseluruhan, dengan mengambil kira Titah Adendum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI. Kaunsel akan menghujahkan tentang interaksi kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI berhubung **Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan** yang dibacakan bersama **Seksyen 43 Akta Penjara 1995**.



24. Berdasarkan perkara di atas dan prinsip-prinsip am yang akan diujahkan, Mahkamah yang Mulia hendaklah mengarahkan Responden-responden untuk mengesahkan, melaksanakan dan memberikan salinan asal atau salinan Titah Adendum bertarikh 29.01.2024 kepada Pemohon. Begitu juga, keengganan untuk memberikan versi asal atau salinan Titah Utama adalah tidak rasional, menyalahi undang-undang dan tidak munasabah.

**E. MASA**

25. Pemohon menyatakan bahawa permohonan untuk memohon kebenaran di bawah Aturan 53 Kaedah 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 telah dibuat dalam jangka masa yang ditetapkan, bermula daripada tarikh di mana, Pemohon menyedari kewujudan Titah Adendum dan telah menjejaskan Pemohon seperti yang dinyatakan di atas, yang kini menjadi alasan-alasan permohonan ini dibawa. Hak Pemohon dalam apa jua keadaan adalah terpelihara.

**F. KESIMPULAN**

26. Permohonan ini adalah *bona fide* kerana Pemohon telah terjejas akibat daripada situasi yang dijelaskan diatas.
27. Berdasarkan perkara-perkara berikut, Pemohon memohon agar:-
- a. Satu Perintah mandamus bahawa ke semua Responden ataupun salah seorang daripada Responden diarah untuk menjawab dan/atau mengesahkan kewujudan satu Titah Adendum bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI sebagai titah tambahan kepada Titah Utama yang mempunyai tarikh yang sama [dimana yang keduanya memberi



## PERNYATAAN

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

pengurangan tempoh hukuman penjara bagi Pemohon dan juga denda yang dikenakan (“**Titah Utama**”) dan yang pertama berkenaan dengan Pemohon diperintahkan untuk menjalani tempoh pemenjarannya yang dikurangkan ke “tahanan rumah” atau terma kepada kesan yang setara (“**Titah Adendum**”)];

- b. Satu perintah Mandamus dimana jika Titah Adendum wujud, semua Responden-responden ataupun salah seorang daripada Responden diarahkan untuk melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI dan dengan sertamerta memindahkan Pemohon dari Penjara Kajang ke kediamannya yang diketahui di Kuala Lumpur dimana Pemohon akan menjalani hukuman penjaranya di bawah tahanan rumah;
- c. Satu perintah mandamus bahawa semua atau salah seorang Responden diarahkan untuk memberikan salinan asal atau salinan Titah Utama bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- d. Satu perintah mandamus bahawa semua atau salah seorang Responden diarahkan untuk memberikan salinan asal atau salinan Titah Adendum bertarikh 29.01.2024 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- e. Kos; and
- f. Apa-apa perintah-perintah, relif-relif dan/atau arahan-arahan yang perlu dan/atau berbangkit dan/atau selanjutnya dan/atau yang lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini dalam keadaan-keadaan ini.



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**PERNYATAAN**

*Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak (Mandamus)*

28. Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Pemohon menyatakan bahawa permohonan meminta kebenaran untuk memulakan permohonan untuk semakan kehakiman bukanlah remeh atau menyusahkan dan wajar diberikan oleh Mahkamah yang mulia ini.

Bertarikh pada 29 Mac 2024



**TETUAN SHAFEE & CO.**

Peguamcara bagi Pihak Pemohon

**PERNYATAAN YANG DIFAILKAN MENGIKUT ATURAN 53 KAEDAH 3(2) KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012** ini telah difailkan oleh **TETUAN SHAFEE & CO.**, peguam bagi pihak Pemohon yang dinamakan di atas yang mempunyai alamat penyampaian di No. 25, Jalan Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur.

[Tel: 03-26948377] [Faks: 03-26947307] [E-mel: shafeeco@shafeeco.com]



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

# TERJEMAHAN

---

# TRANSLATION



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR  
IN THE FEDERAL TERRITORY OF MALAYSIA  
(APPELLATE & SPECIAL POWERS DIVISION)  
APPLICATION FOR JUDICIAL REVIEW NO: /2024**

In the matter of the Malaysian Federal Constitution;

And

In the matter of Article 42 of the Malaysian Federal Constitution

And

In the matter of the Prison Act 1995 and the Regulations thereunder;

And

In the matter of Section 43 of the Prison Act 1995

And

In the matter of Article 5, Article 8, Article 10, Article and Article 121 of the Federal Constitution

And

In the matter of Sections 4 and 25(2) and Paragraphs 1 and 14 of the Schedule of the Courts of Judicature Act 1964

And

In the matter of Sections 44 of the Specific Relief Act 1950

And

In the matter of Order 53 Rules of Court 2012

And

In the matter of the inherent jurisdiction of this Honourable Court



**BETWEEN**

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK**  
(NRIC NO.: 530723-06-5165)

**...APPLICANT**

**AND**

1. **MINISTER OF HOME AFFAIRS**
2. **COMMISSIONER GENERAL OF PRISON**
3. **ATTORNEY GENERAL OF MALAYSIA**
4. **PARDONS BOARD FOR THE FEDERAL TERRITORIES OF KUALA LUMPUR, LABUAN AND PUTRAJAYA**
5. **MINISTER IN PRIME MINISTER'S DEPARTMENT (LAW AND INSTITUTIONAL REFORM)**
6. **DIRECTOR GENERAL OF LEGAL AFFAIRS DIVISION IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**
7. **GOVERNMENT OF MALAYSIA** **...RESPONDENTS**

---

**STATEMENT FILED PURSUANT TO ORDER 53 RULE 3(2)  
OF THE RULES OF COURT 2012**

---

**A. THE PARTIES**

1. The Applicant is the former Prime Minister of Malaysia, having served for two consecutive terms (2008-2018) and previously (1993 and 2000-2008) as Minister for Defence and as the Minister for Education (1995-2000). In July 2018 the Applicant was charged with 7 counts of alleged corruption and money laundering. He was convicted on 28.07.2020 at the High Court and sentenced to





12 years imprisonment and fined a total sum of RM 210 million. The Court of Appeal and Federal Court affirmed the conviction and sentence on 8.12.2021 and 23.08.2022 respectively. He is currently serving his sentence at the Kajang Prison.

2. The 1<sup>st</sup> Respondent is the Minister of Home Affairs who is in charge of inter alia, matters of security and the prisons.
3. The 2<sup>nd</sup> Respondent is the Commissioner General of Prison.
4. The 3<sup>rd</sup> Respondent is the Attorney General of Malaysia who is the principal legal adviser to the Government of Malaysia.
5. The 4<sup>th</sup> Respondent is the Pardons Board for the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan, and Putrajaya.
6. The 5<sup>th</sup> Respondent is the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) who is responsible in advancing policies concerning law, parliamentary, and legal and judicial affairs and oversees the Legal Affairs Division and through the 6<sup>th</sup> Respondent oversees the administrative matters of the 4<sup>th</sup> Respondent.
7. The 6<sup>th</sup> Respondent is the Director General of Legal Affairs Division who is responsible in managing the administrative aspects of the country's legal affairs including the Pardons Board of the Federal Territories.
8. The 7<sup>th</sup> Respondent is the Government of Malaysia.



**B. RELIEFS SOUGHT**

9. By way of the Notice of Application for Judicial Review filed herein, the Applicant is seeking leave to commence an application for Judicial Review against the Respondents under **Order 53 Rule 3 of the Rules of Court 2012**.
10. The Applicant seeks for the following reliefs to be granted by this Honorable Court against the abovenamed Respondents in the intended Application for Judicial Review:-
  - a. An order of mandamus that all the Respondents or any of them be compelled to answer and/or confirm the existence of an Addendum Order dated 29.01.2024 issued by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI as a supplementary order to the Main Order dated the same [the latter of which allowed the reduction of the Applicants imprisonment term and the fine imposed (“**Main Order**”) and the former in respect of the Applicant being ordered to serve his said reduced term of imprisonment under “house arrest” or terms to the equivalent effect (“**Addendum Order**”)];
  - b. An order of mandamus that should the Addendum Order exist, all the Respondents or any of them be compelled to execute the said order of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI and to forthwith remove the Applicant from the Kajang prison facility to his known residence(s) in Kuala Lumpur where the Applicant would continue to serve his imprisonment sentence under house arrest;
  - c. An order of mandamus that all or any of the Respondents be compelled to provide the original version or a copy thereof of the Main Order dated 29.01.2024 by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI;



- d. An order of mandamus that all or any of the Respondents be compelled to provide an original version or a copy thereof of the Addendum Order dated 29.01.2024 by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- e. Costs; and
- f. Such necessary and/or consequential and/or further and/or other orders, reliefs and/or directions which this Honourable Court may deem fit and proper in the circumstances.

### **C. BACKGROUND**

11. On 4.07.2018 and 8.08.2018 the Applicant was charged in the Kuala Lumpur High Court bearing Criminal Suit No(s): WA-45-2-07/2018; WA-45-3-07/2018; and WA-45-5-08/2018 commonly known as the "SRC Case" where he was found guilty of all charges on 28.07.2020.
12. On 30.07.2020 the Applicant appealed to the Court of Appeal against the decision of the High Court wherein on 8.12.2021 his appeal was dismissed, and the conviction and sentence of the High Court upheld.
13. On 8.12.2021 the Applicant appealed to the Federal Court against the decision of the Court of Appeal wherein on 23.08.2022 his appeal was again dismissed.
14. Following the decision of the Federal Court where his conviction and sentence was upheld, the Applicant was immediately brought to the Kajang Prison where he remains under the jurisdiction of the 1<sup>st</sup> and 2<sup>nd</sup> Respondents until now.



15. On 1.09.2022, the Applicant through his solicitors Messrs Shafee & Co. filed a petition to His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI for a complete and/or full pardon (a free pardon) against the conviction and sentence of the SRC Case pursuant to inter alia, **Article 42 of the Federal Constitution**.
16. Following the petition filed on 1.09.2022, the Applicant filed subsequent addendums to the His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI on 18.10.2022 and 20.04.2023 for His Majesty's consideration wherein other relevant developments in relation to the issues of pardon were raised, mostly in relation to the dominant issue that the Applicant had never been given a fair trial, nor the appeals.
17. On 2.02.2024, the 4<sup>th</sup> Respondent under the purview of the 5<sup>th</sup> and 6<sup>th</sup> Respondents announced that His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI had convened the 61<sup>st</sup> Pardons Board for the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya initially on the 8.12.2023, then adjourned to the 15.01.2024 but was adjourned and finally sat again on 29.01.2024 wherein His Majesty ordered that the Applicant's imprisonment be reduced to 6 years and the fine reduced to RM50 million, i.e. the "Main Order". His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI had also immediately or simultaneously issued an Addendum Order on the same day which was within the powers and jurisdiction of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI. The Addendum Order curiously was not announced by the 4<sup>th</sup>, 5<sup>th</sup>, and 6<sup>th</sup> Respondent or by any of the other Respondents when the announcement of the Main Order only was made. It must be impressed that the Addendum Order was already in existence since the 29.01.2024. This anomaly was never revealed nor explained by any of the Respondents.



18. On 12.02.2024 the Applicant received clear information that in addition to the Main Order dated 29.01.2024, His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI had issued an Addendum Order stipulating that the Applicant be allowed to serve the reduced sentence of his imprisonment under condition of "home arrest," instead of confinement in Kajang Prison.
19. The Applicant instructed his solicitors to confirm the details of the Addendum Order with the Attorney General of Malaysia (3<sup>rd</sup> Respondent) by way of a letter dated 14.02.2024. This letter was also copied to the Most Honorable Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim and the Most Honorable Deputy Prime Minister of Malaysia, Dato Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi.
20. Subsequently, on 22.03.2024, the matter was escalated to the Minister of Home Affairs (1<sup>st</sup> Respondent) regarding inter alia, the existence and lack of enforcement of the Addendum Order. Similarly, the matter was also brought to the attention of the Pardons Board for the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan, and Putrajaya, as well as the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) and the Director-General of the Legal Affairs Division in the Prime Minister's Department (the 4<sup>th</sup>, 5<sup>th</sup>, and 6<sup>th</sup> Respondents, respectively), on 29.03.2024.
21. On 19.02.2024, the Applicant's solicitors also requested the original copy or a copy thereof of the Main Order from the Kajang Prison, but that request went unanswered.
22. Consequently, since 29.01.2024, the Applicant's personal rights have been adversely affected and infringed upon by the decision of all the Respondents in ignoring and refraining from responding to the inquiries made by the Applicant's solicitors to enforce the Addendum Order of His Majesty Seri Paduka Baginda



The Yang Di-Pertuan Agong XVI. Considering exigencies of time, the Applicant makes this application.

**D. REFUSAL AND/OR INACTION BY THE RESPONDENTS TO CONFIRM, EXECUTE, AND PROVIDE THE ADDENDUM ORDER DATED 29.01.2024 AND GROUNDS FOR JUDICIAL REVIEW**

23. The Applicant states that all of the Respondents' failure to answer and/or confirm the existence of the Addendum Order and the Applicant's request to be served with the Addendum Order dated 29.01.2024, and the subsequent inaction by the 1<sup>st</sup> and 2<sup>nd</sup> Respondent to execute the said order, is irrational, unreasonable, illegal and arbitrary and offends the Federal Constitution and laws for the following reasons:-

- a. Pursuant to **Article 42 (in particular Articles 42(1) and 42(2)) of the Federal Constitution** the power to grant pardons, reprieves and respites and remits, suspension or commutation in respect of offences conferred upon His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI in the Federal Territories. This is an unfettered discretion, unchallengeable in any court of law by any process;
- b. This prerogative can be exercised by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI for any reasons ranging from the mere show of mercy to one of correcting an injustice that may occur in the court of law. It has been said by many decided authorities that "*the prerogative of mercy begins when the procedure for justice in the courts ends*". Powers of pardon is often also associated with corrective justice;
- c. His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI is also "*the fountain of justice*", as positioned under **Articles 37, 39, and 42**



**of the Federal Constitution**, which shall be read together with the oath pronounced by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI under **Part I, of the Fourth Schedule of the Federal Constitution**. The prerogative power of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI although is applicable in limited subject matters but the prerogative of pardons given to His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong is absolute and unlimited;

- d. His Majesty's orders are not merely administrative decrees but reflections of the legal and moral authority vested in the Monarchy. Therefore the Respondents' disregard to the requests of the Applicant constitutes a direct intrusion of the Applicant's basic right as provided in the Constitution and the laws generally. Over and above this the defiance of the Respondents constitute a direct contempt of the Institution of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong;
- e. The Respondents instead of obeying the orders of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI has unreasonably and irrationally denied the same in totality without lawful cause nor provide any cogent excuse/reasons for the failure. In fact the act of the Respondents in not responding to the queries of the Applicant necessarily draw the adverse inference against them, in that the Addendum Order does exist with the substantive content as contended by the Applicant. Further, the non-responding to the queries of the Applicant is a further adverse inference that the Respondents were attempting to conceal the existence of the Addendum Order for reasons that can only be inferred to be mala fide;
- f. **Section 43 of the Prison Act 1995** read together with **Article 42 of the Federal Constitution** provide that the 1<sup>st</sup> and 2<sup>nd</sup> Respondent can allow



the release of any prisoner on licence and on such conditions, i.e. “home arrest” with some reasonable conditions. Accordingly, a blanket denial of the Applicant’s application is unreasonable and/or irrational when considering the circumstances in entirety, considering the Addendum Order of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI. Counsel will submit on the interaction of the powers of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong in relation to **Article 42 of the Federal Constitution** read with **Section 43 of the Prison Act 1995**.

24. Based on the above and the general principles that will be submitted upon, the Honorable Court ought to compel the Respondents to confirm, execute and provide the original version or a copy thereof of the Addendum Order dated 29.01.2024 to the Applicant. Likewise, the refusal to provide the original version or a copy thereof of the Main Order to be irrational, illegal and unreasonable.

**E. TIME**

25. The Applicant states that in compliance with Order 53 Rule 3(6) of the Rules of Court 2012 the application for leave has been made within the prescribed time frame commencing from the date on which the Applicant became aware of the existence of the Addendum Order and had adversely affected the Applicant as aforesaid thus culminating in the grounds of this application first arising. The Applicant’s rights are in any event reserved.

**F. CONCLUSION**

26. This Application is bona fide as the Applicant is adversely affected as described aforesaid.





27. Based on the foregoing the Applicant prays for:-

- a. An order of mandamus that all the Respondents or any of them be compelled to answer and/or confirm the existence of an Addendum Order dated 29.01.2024 issued by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI as a supplementary order to the Main Order dated the same [the latter of which allowed the reduction of the Applicants imprisonment term and the fine imposed (“**Main Order**”) and the former in respect of the Applicant being ordered to serve his said reduced term of imprisonment under “house arrest” or terms to the equivalent effect (“**Addendum Order**”)];
- b. An order of mandamus that should the Addendum Order exist, all the Respondents or any of them be compelled to execute the said order of His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI and to forthwith remove the Applicant from the Kajang prison facility to his known residence(s) in Kuala Lumpur where the Applicant would continue to serve his imprisonment sentence under house arrest;
- c. An order of mandamus that all or any of the Respondents be compelled to provide the original version or a copy thereof of the Main Order dated 29.01.2024 by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- d. An order of mandamus that all or any of the Respondents be compelled to provide an original version or a copy thereof of the Addendum Order dated 29.01.2024 by His Majesty Seri Paduka Baginda The Yang Di-Pertuan Agong XVI;
- e. Costs; and



- f. Such necessary and/or consequential and/or further and/or other orders, reliefs and/or directions which this Honourable Court may deem fit and proper in the circumstances.
28. Based on the reasons stated above, the Applicant states that this Application for leave to commence an application for judicial review is not frivolous or vexatious and ought to be granted by this Honorable Court.

Dated 29 March 2024

  
.....  
**MESSRS SHAFEE & CO.**  
Solicitors for the Applicant

**This STATEMENT FILED PURSUANT TO ORDER 53 RULE 3(2) OF THE RULES OF COURT 2012** is filed by **MESSRS SHAFEE & Co.**, solicitors for the above named Applicant with an address for service at Chambers Twenty-Five, No. 25, Jalan Tunku, Bukit Tunku, 50480, Kuala Lumpur.

[Tel: 03-26948377] [Fax: 03-26947307] [E-mail: shafeeco@shafeeco.com]



S/N IW10TN1rNUK6Lhu46QPqbg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal